

04 APR 2000
Mahkamah-Anwar
DR MAHATHIR FAIL AFIDAVIT JAWAPAN

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memfailkan afidavit jawapan terhadap permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memangilnya memberi keterangan dalam kes liwat bekas timbalan perdana menteri itu.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Rozilah Salleh berkata afidavit jawapan itu difailkan pada pukul 12.20 tengah hari dan ia telah diserahkan kepada Anwar tidak lama kemudian.

Seorang daripada peguam Anwar, S.N. Nair yang mengesahkan penyerahan itu berkata pembelaan kini menyediakan afidavit lanjutan bagi permohonan berkenaan.

Dr Mahathir memfailkan afidavit berkenaan setelah menerima afidavit Anwar yang diserahkan oleh pembelaan pada Jumaat lepas setelah Hakim Datuk Arifin Jaka pada hari yang sama, memerintahkan peguam bela Anwar menyerahkan sendiri afidavit itu kepada perdana menteri.

Arifin semasa mengeluarkan perintah berkenaan berkata afidavit itu perlu diserahkan kepada Dr Mahathir dan terpulang kepada perdana menteri sama ada untuk menjawabnya atau tidak.

Hakim memberi Dr Mahathir masa sehingga 4 petang hari ini bagi menjawabnya.

Mahkamah yang telah mendengar hujah peguam Karpal Singh berhubung isu kaitan keterangan Dr Mahathir pada perbicaraan itu, hanya akan mendengar hujah sambungan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail selepas afidavit jawapan itu diterima.

Abdul Gani membantah permohonan Anwar untuk memanggil Dr Mahathir memberi keterangan pada perbicaraan kes liwat membabitkan Anwar dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Anwar, 52, dan Sukma, 39, dituduh secara berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di pangsapuri Sukma di Tivoli Villa, Bukit Bandaraya, di sini pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, ahli perniagaan, juga menghadapi satu lagi tuduhan iaitu bersubhat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, di tempat dan pada masa yang sama.

Pada 9 Mac lepas, Anwar mengemukakan afidavit setebal 10 halaman dengan 19 alasan mengenai kaitannya keterangan Dr Mahathir dalam kesnya itu.

Beliau mengemukakan afidavit itu setelah Arifin pada 18 Feb lepas, memerintahkan pembelaan menunjukkan bahawa keterangan Dr Mahathir itu mempunyai kaitan dengan kes berkenaan.

Pada persidangan hari ini, mahkamah membatalkan permohonan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Aziz Samsuddin untuk mengenenepikan sapina yang dikeluarkan terhadapnya untuk hadir sebagai saksi.

Arifin membuat keputusan itu setelah peguam Aziz, Ng Aik Guan memberitahu mahkamah bahawa Aziz ingin menarik balik permohonannya itu.

Mengenai permohonan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin yang juga untuk mengenenepikan sapina, Arifin menetapkan esok untuk mendengarnya setelah Ng memberitahu mahkamah bahawa pemohon telah memfailkan satu lagi afidavit lanjutan yang diikrarkan pagi ini dan Karpal Singh memerlukan masa untuk menelitinya.

-- BERNAMA
NHD RON